

11 MAR 1997

Mahathir-MSK

KEUNTUNGAN DARIPADA MSK BERGANTUNG KEPADA RAKYAT, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keuntungan yang akan diperolehi daripada pengwujudan Koridor Raya Multimedia (MSK) bergantung kepada kebijaksanaan rakyat negara ini sendiri.

Rakyat tidak boleh mengharapkan bahawa orang luar akan datang membantu mereka di MSK tetapi sebaliknya mereka harus menggunakan peluang adanya MSK itu untuk belajar dan menguasai segala teknologi dalam bidang maklumat.

"Kalau MSK dibuat di kawasan ini, kita dapat bangunkan kawasan itu, kita dapat pelajari teknologi baru dan mungkin kita juga terlibat dengan teknologi ini dan kita menguasainya lebih daripada orang lain," katanya pada majlis dialog selepas menyampaikan taklimat mengenai MSK dan masalah sosial kepada para pemimpin Barisan Nasional termasuk anggota Parlimen dan anggota Dewan Undangan Negeri di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Beliau menjawab satu soalan yang dibangkitkan berhubung kebimbangan bahawa Malaysia mungkin tidak memperolehi sebarang keuntungan daripada MSK kerana kerajaan memberi banyak kelonggaran dalam "Bill of Guarantees" kepada syarikat-syarikat dalam kawasan MSK.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sedar bahawa orang luar tidak akan datang ke Malaysia untuk menjayakan negara ini sebaliknya mereka datang untuk kepentingan sendiri.

Beliau menarik perhatian mengenai kemasukan pelabur asing dalam bidang pembuatan di negara ini satu masa dahulu yang memberi keuntungan yang banyak kepada syarikat terbabit malah kerajaan tidak mengutip cukai daripada mereka.

Keuntungan yang diperolehi Malaysia melalui kemasukan pelabur asing itu ialah wujudnya banyak peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini sehingga 100 peratus rakyat Malaysia mendapat peluang kerja daripada pelaburan asing.

"Hakikatnya ialah kerana pelaburan daripada negara asing ini, negara kita sekarang lebih kaya daripada dahulu dan rakyat kita mendapat lebih banyak pendapatan daripada dahulu, kalau tiada pelaburan asing, saya yakin rakyat kita akan menganggur," katanya.

Dr Mahathir berkata, pendekatan yang serupa terpakai dalam bidang MSK yang sedang dalam peringkat percubaan oleh kerajaan sekarang.

"Tetapi untuk menjaga kepentingan kita, kita ambil satu lagi tindakan yang dahulunya kita tidak ambil, kita hadkan kepada kawasan ini sahaja supaya kalau ia jadi perkara yang tidak baik kita tidak perlu perluaskan ke seluruh negara," katanya.

MSK merupakan zon seluas 15 x 50 km yang bermula dari Kuala Lumpur dan berakhir di kawasan selatannya. Ia meliputi kawasan Kuala Lumpur City Centre (KLCC), pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan, Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa baru (KLIA) di Sepang.

Perdana Menteri berkata, kawasan MSK akan menjadi tempat percubaan kerana kerajaan sedang berhadapan dengan perkara yang tidak difahami sepenuhnya.

"Kali ini kita berurusan dengan satu perkara yang kita tidak faham 100 peratus. Kita tak tahu apa yang nak datang, kita tak boleh tahu apa yang nak datang, yang kita tahu ialah kalau dibuat di tempat lainpun, kesan buruk kita akan rasa juga.

"Sebab itu kita tak boleh jamin, daripada segi pertimbangan

untung-ruginya kita dapat keuntungan, tetapi kita hadkan kepada kawasan ini...sebagai langkah berjaga-jaga. Kita ambil tindakan berjaga-jaga jangan nanti kita buka seluruh Malaysia ini untuk menjadikan tempat percubaan dan lepas itu kita tidak ada kuasa lagi menyekat perkara yang tidak baik berlaku," katanya.

Dr Mahathir percaya MSC akan memberi banyak kebaikan kepada Malaysia dan rakyat seluruhnya.

Majlis taklimat hari ini dimulakan dengan tayangan video mengenai MSC.

Semasa memberi taklimat, Dr Mahathir memberi penekanan kepada pentingnya para pemimpin BN memahami mengenai era maklumat sekarang dan tahu pula menggunakan maklumat bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan berkesan.

Jika mereka tidak tahu menggunakan maklumat, mereka akan terus dijajah tetapi jika mereka pandai menapis dan menggunakan maklumat, mereka akan berjaya malah boleh pula bersaing dengan bangsa-bangsa lain di dunia ini, katanya.

Katanya, kerajaan membuka kawasan MSC untuk mengembangkan industri yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan Malaysia perlu memasuki bidang teknologi maklumat agar rakyat dapat menyesuaikan diri mereka dengan zaman maklumat.

"Sekarang kita telah masuk dalam era dunia tanpa sempadan. Malaysia perlu ada strategi untuk terima maklumat dan tangkis maklumat. Oleh itu kita perlu ada kebolehan ini dan jangan ada rasa inferior (rendah diri)," katanya.

Dr Mahathir juga berharap rakyat Malaysia yang bekerja dengan syarikat-syarikat asing dan telah menjadi pakar akan pulang ke Malaysia dan menjayakan matlamat pengwujudan MSC itu. -- BERNAMA

AFY HS NMO